

PAK-21

KONDUKTOR VS PENEBAT



Tajuk

Membuat pemerhatian mentol menyala atau tidak menyala apabila menggunakan konduktor dan penebat

Objektif

- i Mengetahui apakah bahan yang boleh membuat mentol menyala
- ii Mengenal bahan konduktor elektrik dan penebat elektrik

Bahan

- Sel kering
- Pemegang sel kering
- Wayar
- Mentol
- Pemegang mentol
- Bahan-bahan lain (Perahan lemon, buah mengkudu, air kelapa)

Arahan

- 1 Murid hendaklah membina litar ringkas elektrik dengan cara menyambungkan sel kering, wayar, pemegang mentol dan mentol.
- 2 Murid mencuba satu persatu bahan yang disediakan guru (perahan lemon, buah mengkudu, air kelapa) dengan meletakkannya dalam litar.
- 3 Murid memerhatikan jika mentol menyala atau tidak.
- 4 Murid mencatat pemerhatian untuk setiap bahan yang diuji.

Bahan-bahan	Mentol menyala / Mentol tidak menyala
Perahan lemon	
Buah mengkudu	
Air kelapa	

- 5 Guru membuat perbincangan bahan mana yang boleh membuat mentol menyala (konduktor) dan bahan mana yang tidak membuat mentol menyala (penebat).